


131 staf UMS-KAL hadiri taklimat ketidakhadiran tanpa cuti

UB 24/2/2011 P. A5

LABUAN: Seramai 131 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan(UMS-KAL) telah menghadiri Taklimat Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605) di Dewan Theatrette universiti itu kelmarin.

Ketua Bahagian Perundangan dan Tatatertib, Jabatan Pendaftar UMS, Awang Suhaizam Bungso menyampaikan taklimat bertajuk 'Ketidakhadiran Tanpa Cuti'.

Taklimat yang bermula pukul 2.00 petang itu dianjurkan oleh Bahagian Perundangan dan Tatatertib, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah. Turut hadir Timbalan Pendaftar Pentadbiran, Kamisah Husin, Ketua-Ketua Bahagian, pensyarah, pegawai kanan dan kakitangan sokongan UMS-KAL.



AWANG SUHAIZAM

Awang Suhaizam berkata, berdasarkan Peraturan 23, Jadual Kedua, Akta 605, ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Tatatertib Kakitangan mengenai perkara berkenaan berserta tarikh-tarikh ketidakhadiran, hal keadaan

Katanya, bagi pegawai yang tidak hadir bertugas



TAKLIMAT...Sebahagian kakitangan UMS-KAL yang menghadiri Taklimat Ketidakhadiran Tanpa Cuti kelmarin.

tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Tatatertib Kakitangan mengenai perkara berkenaan berserta tarikh-tarikh ketidakhadiran, hal keadaan

ketidakhadiran dan apa-apa maklumat lanjut berhubung ketidakhadiran.

Tambahnya, pegawai yang mengetik kad perakam waktu tetapi tidak bertugas hendaklah diserahkan surat tunjuk sebab meminta pegawai memberikan alasan berkenaan hal tersebut dalam tempoh 14 hari.